

KONTENA PORT POIC – MEMBUKA RANTAU ASIA

(1) Pelabuhan Kontena

Pada 17 Februari 2012, Perdana Menteri, YAB Dato 'Seri Najib melawat POIC Lahad Datu. Pada hari tersebut, beliau meluluskan pembiayaan untuk pembinaan Pelabuhan Kontena di POIC. Janji ini telah direalisasikan sepenuhnya dengan pemunggahan yang terakhir peralatan utama; kren STS (*Ship to Shore*) ke Pelabuhan Kontena POIC pada 25 Mac 2018. Ini menjadikan Pelabuhan Kontena POIC dengan kapasiti 50,000 *TEU (Twenty-Foot Equivalent Unit)* yang pertama lengkap dengan kren *STS* di Pantai Timur Sabah. Pelabuhan ini yang mempunyai draf air sedalam 15 meter, direka untuk mengendalikan kapal bersaiz Panamax dan dilengkapi dengan 3 *Empty Handlers*, 2 *STS Crane*, 2 *Reach Stackers*, 10 *Prime Movers*, 10 *Container Trailers* dan 2 *Rubber Tyred Gantry cranes* (lihat Rajah 1). Kemudahan lain di Pelabuhan Kontena ada dalam Rajah 2.

Rajah 1: Kemudahan di Pelabuhan Kontena POIC



3 Empty Handler



2 STS cranes



2 Reach Stacker



2 Rubber Tyred Gantry




10 Prime Mover



10 Container Trailer

Rajah 2: Pelabuhan Kontena POIC




(2) Mengapa Pelabuhan Kontena POIC penting

Dengan siapnya Pelabuhan Kontena POIC, ia melengkapkan semua infrastruktur pelabuhan utama di POIC, iaitu kemudahan pendaratan pukal kering, pukal cecair dan kemudahan pendaratan tongkang yang diperlukan untuk menyokong industri kelapa sawit hiran untuk dipacu dan secara langsung membuka rantau, seperti yang telah direncanakan oleh Perdana Menteri pada tahun 2012.

LAUT

Bagi perairan pantai timur, pelabuhan kontena ini membuka luas rantau yang kaya dengan sumber semulajadi (lihat Rajah 3) amnya Filipina Selatan, Kalimantan, Sulawesi, Papua New Guinea dan Wilayah Utara Australia.

**RAJAH 3: Potensi Sumber di Rantau BIMP-EAGA
(Gabungan KDNK: US\$67 Bilion)**



Strategi ini adalah untuk mendapatkan sumber yang sebahagian besarnya terdapat di rantau BIMP-EAGA, pengumpulan sumber tersebut di POIC untuk proses tambah nilai sebelum dieksport. Selain itu, kedudukan strategik POIC di pertengahan Asia Timur mempunyai kelebihan besar di dalam pengendalian kargo pukal di mana, pemprosesan boleh dilakukan di POIC sebelum dieksport ke negara-negara maju yang kekurangan sumber seperti China, Jepun, Korea, Taiwan dan Hong Kong (lihat Rajah 4).

Rajah 4: Sumber di Rantau Asia Timur



SELAT LOMBOK - MAKASSAR

Selat Lombok-Makassar berpotensi menggantikan Selat Melaka sebagai laluan perkapalan utama di dunia, menurut Menteri Koordinasi Maritim dan Sumber Asli Indonesia, Rizal Ramli yang dipetik oleh *shp-andbunker.com* pada 2016.

Merujuk kepada peta pergerakan kapal oleh UCL Energy Institute dan Kiln yang berpusat di London, ia menunjukkan bahawa Selat Lombok-Makassar yang berada di perantaraan pulau Borneo dan Sulawesi, dan melewati Semenanjung Dent di Sabah, adalah laluan perkapalan yang sibuk.

Jangkaan Menteri Indonesia sangat tinggi tetapi fakta sememangnya menunjukkan potensi laluan perkapalan ini. Dengan dunia yang kini berlumba

untuk mendapatkan sumber, terutamanya jenis yang boleh diperbaharui, POIC Lahad Datu sangat berpotensi untuk memberikan perkhidmatan ini.


Dengan adanya infrastruktur pelabuhan yang komprehensif di POIC yang semakin bertambah dan disamping kedalaman draf semula jadi yang mampu menampung kapal kelas Panamax, ini mampu meletakkan POIC di hadapan pesaing-pesaing di sepanjang laluan perkapalan Lombok-Makassar.

Sekiranya biokimia boleh dihasilkan, keperluan utama perkhidmatan pelabuhan kontena sangat diperlukan bagi perkhidmatan penghantaran hasil tersebut ke seluruh dunia.

DARAT: MEMBUKA POTENSI RM200 BILION

Dengan adanya pelabuhan kontena ini mengukuhkan lagi kedudukan POIC sebagai sebuah pusat pengembangan bagi minyak sawit dan biomass yakni industri yang bernilai RM200 bilion setahun (lihat Rajah 5). Nilai RM200 bilion setiap tahun adalah bersamaan 3 kali ganda saiz ekonomi Sabah pada masa ini. Tidak ada sektor ekonomi lain di Sabah yang boleh menawarkan skop sebesar ini terutamanya dari segi peluang pekerjaan, rangkaian ekonomi yang menyeluruh dan peluang perniagaan yang luas samada besar atau kecil.

Rajah 5: POIC di Pertengahan Kawasan Penanaman Kelapa Sawit di Sabah



Perkhidmatan pelabuhan, terutamanya pelabuhan kontena, telah menjadi penghalang kepada pelabur yang ingin beralih kepada produk hiliran berorientasikan eksport yang bernilai tinggi. Sebagai contohnya, walaupun Sabah adalah pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia dengan kira-kira 6.5 juta tan setahun, tidak terdapat satu pun daripada 20 loji oleokimia yang kini beroperasi di Malaysia terletak di Sabah. Ini adalah kerana pelbagai produk siap oleokimia memerlukan perkhidmatan kontena untuk pengeksportan. Kini, dengan adanya Pelabuhan Kontena di POIC Lahad Datu, iaitu satu-satunya di pantai timur Sabah dan mungkin di BIMP-EAGA yang mempunyai kren STS, ia akan dapat membuka pintu kepada pelaburan bernilai berbilion ringgit.

PELUANG PEKERJAAN DAN PELABURAN YANG LUAS

Dengan pelaksanaan yang baik, pembukaan industri kelapa sawit untuk penghasilan produk industri kelapa sawit yang bernilai tinggi menjadi luas, kini boleh direalisasikan dengan pewujudan Pelabuhan Kontena POIC. Ini bermakna "setiap orang mampu mempunyai pekerjaan - terutamanya pekerjaan berpendapatan tinggi'. Graduan dari sekolah, politeknik, pusat latihan kemahiran, institut latihan sama ada khusus atau umum dan universiti, berpeluang mendapat pekerjaan dalam industri ini.

Ini bermakna, buat pertama kalinya dalam sejarah ekonomi Sabah, akan wujudnya peluang perniagaan pada skala yang tidak pernah dilihat di Sabah dalam pembinaan kilang-kilang untuk menghasilkan produk perindustrian dan isi rumah yang mencukupi sebagai asas perindustrian yang diperlukan untuk mengubah Sabah ke arah sebuah negeri yang maju dan berpendapatan tinggi. Pelabuhan Kontena POIC memainkan peranan yang penting dalam transformasi ekonomi tersebut.

Lahad Datu boleh menjadi bandar perindustrian terbesar di Sabah, seperti Pelabuhan Rotterdam untuk Bandar Rotterdam, di mana kekayaannya, pendapatan pihak berkuasa tempatan, pekerjaan dan peluang perniagaan dapat dicipta dan dikekalkan oleh aktiviti-aktiviti berkaitan pelabuhan.

Sebagaimana Pelabuhan Rotterdam yang bermula daripada sebuah perkampungan nelayan kecil yang dikenali sebagai Villahermosa di Belanda, dan seperti Singapura yang berkembang pesat dari sebuah negara yang kekurangan sumber semulajadi menjadi salah satu pelabuhan terbesar di dunia, Lahad Datu dengan pelabuhan air yang dalam, lokasi strategik di rantau BIMP-EAGA dan posisi strategik di laluan perkapalan Lombok-Makassar, Lahad Datu kini memiliki ciri-ciri untuk menjadi seperti Pelabuhan Rotterdam. Dalam hasil kajian Port of

Rotterdam baru-baru ini POIC Lahad Datu boleh menjadi seperti *Rotterdam of the East*.

Maka dengan ini, terbuktiilah tanpa Pelabuhan Kontena POIC, pemprosesan oleokimia dan biokimia dari minyak kelapa sawit sukar direalisasikan.

(3) Mendahului persaingan

Indonesia kini mempunyai keluasan 12 juta hektar sawit berbanding dengan 5.7 juta hektar di Malaysia. Sabah pula, adalah negeri utama dalam penanaman kelapa sawit terbesar di Malaysia dengan keluasan 1.6 juta hektar.

Dalam sektor dunia minyak makan, kira-kira 190 juta MT dihasilkan setiap tahun. Penghasilan minyak kelapa sawit (sebanyak 33% daripada jumlah dunia) adalah penyumbang terbesar diikuti oleh minyak soya. Ini menunjukkan, hasilan 6.5 juta MT minyak sawit yang dikeluarkan di Sabah adalah agak kecil. Dari itu, Sabah hanya boleh menerima harga minyak makan dengan margin yang rendah. Ini disebabkan persaingan sengit dalam segmen produk minyak sawit yang lebih rendah nilainya dan secara langsung menjadikan ekonomi Sabah lebih mudah terjejas kepada ketidakstabilan harga komoditi antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Sabah boleh mengatasi isu-isu ini dengan menghasilkan rangkaian produk seperti dalam bidang biokimia di mana minat di kalangan pengeluar kelapa sawit pada amnya terhad.

(4) Bagaimanakah industri RM200 bilion dicapai?

Sekiranya semua minyak kelapa sawit dan biomas yang terdapat di Sabah digunakan untuk menghasilkan produk dengan tambah nilai tinggi, industri ini boleh menjanakan pendapatan bernilai RM200 bilion setahun. Secara umumnya,

industri telah mencapai tahap di mana teknologi dan pasaran bersedia menggunakan minyak sawit dan biomas untuk menghasilkan produk yang dulunya hanya dihasilkan dari bahan bakar fosil.

Dunia sekarang mencari dan menilai produk dari sumber-sumber yang lestari dan bio-degradable kini mempunyai permintaan yang tinggi dan industri kelapa sawit sesuai dengan perkembangan ini.

Pada asasnya, minyak kelapa sawit dan biomas boleh menghasilkan sebahagian besar produk yang dihasilkan daripada petroleum (lihat Rajah 6,7,8). Contoh produk yang boleh dihasilkan adalah seperti berikut:-

Pengunaan minyak sawit

- Fabrik sintetik, polimer nilon,
- Perencat kakisan feros
- Minyak minyak, pelincir, gel
- Plastik, cat
- Getah sintetik
- Sabun, bahan pencuci, kosmetik
- Pelekat, dakwat percetakan
- Racun perosak
- Aditif makanan, nutraseutikal
- Produk penjagaan diri, lycopene, beta karoten
- *Nano Graphene*
- Antioksidan, pewarna makanan, perlindungan UV, pertumbuhan tulang, imuniti
- Gula, *xylitol*
- Penebat, penyambung, penutup roda untuk kereta
- Pelarut, bahan kimia agro, biofuel


Penggunaan Biomassa Palm

- Biochar, karbon aktif, biokoal
- Biopellet, bahan kimia bio
- Kompos, serat, makanan haiwan
- Bahan binaan, bantal, tilam
- Pulp & kertas, papan lapis, papan blok, MDF, perabot
- Pengisi dalam termoplastik
- Baja, penstabilan tanah

Rajah 6: Penambah Nilai dalam Industri Berasaskan Biomassa Sawit



Rajah 7: Penambah Nilai dalam Industri Berasaskan Bio Gas



Rajah 8: Penambah Nilai dalam Industri Berasaskan Minyak Sawit

Products Currently Exported

Crude Palm Oil
Refined Palm Oil
Palm Olein
Palm Stearin



Crude Palm Kernel Oil
Refined Palm Kernel Oil
Palm Kernel Olein
Palm Kernel Stearin

Value Adding Opportunities

Downstream Opportunities

Food Based

- Cooking Oil
- Shortening
- Margarine
- Vanaspati
- Confectionary
- Bakery fats
- Ice cream
- Cocoa butter alternatives



Phytonutrients

- Carotenes
- Tocols (Vitamin E)
- Co-enzyme Q₁₀
- Squalene
- Phytostrols
- Lecithin



Oleochemicals

- Personal care products
- Cosmetics
- Plastics
- Textile processing
- Metal processing
- Lubricants
- Emulsifiers
- Soap
- Degreasers
- Protective coatings
- Explosives



Copyright © POIC, 2015